

# UMS anjur pertandingan karaoke terbuka

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan pertandingan karaoke terbuka sempena Tamu Gadang konvokesyen ke-4 pada 23 dan 25 Oktober depan.

Pertandingan ini dibahagi kepada dua peringkat, iaitu peringkat saringan pada 23 Oktober jam 2 petang dan peringkat akhir pada 25 Oktober jam 8 malam. Pertandingan ini dilangsungkan di Tapak Tamu Gadang.

Pertandingan ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat.

Pihak penganjur telah menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada pemenang-pemenang. Hadiah utama termasuklah tiket penerbangan dari Kota Kinabalu ke Labuan, barangan elektrik, hamper, beras nasional dan sebagainya.

Semua borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi, Jawatankuasa Persembahan Tamu Gadang 4, Universiti Malaysia Sabah, pejabat majlis Perwakilan Pelajar Tingkat 2, Pusat Perkhidmatan Pelajar, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu Sabah.

Sementara itu juga UMS akan bersama-sama dengan Kesumba, PPKA dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menganjurkan pertandingan memasak pada 24 Oktober.

Pertandingan diadakan pukul 9.30 pagi di Tapak Tamu Gadang.

Pertandingan yang amat bermakna ini akan dirasmikan oleh Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Siti Rukaiyah Bte Datuk Panglima Abdullah.

Objektif pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang makanan seimbang seharian dan menjana hidup yang sihat dan ceria.

Pertandingan ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat. Hadiah-hadiah menarik turut ditawarkan kepada pemenang.

Bagi mendapatkan borang penyertaan sila menghubungi Puan Nor Azahyati dalam di talian 088-320000 sambungan 1127/1017 ataupun Jawatankuasa Pertandingan Tamu Gadang 4 Universiti Malaysia Sabah Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar, Cik Kong Li Yean.